

Bangkai kapal wap Le Lyonnais karam 168 tahun ditemui

HM 13/9/2024 pg 29

Washington: Pasukan penyelam Amerika Syarikat (AS) menemukan bangkai kapal wap Perancis, Le Lyonnais, yang karam di Lautan Atlantik pada 1856, selepas kejadian 'langgar lari' dengan kapal layar AS, yang mengorbankan 114 nyawa.

Le Lyonnais, yang dibina pada 1855 dan dianggap terancang pada waktu itu, dalam perjalanan pulang ke Perancis selepas menamatkan pelayaran sulung dari Le Havre ke New York, apabila bencana itu berlaku.

Jennifer Sellitti dari Atlantic Wreck Salvage, sebuah syarikat berpangkalan di New Jersey berkata, sebuah pasukan bersama bot penyelam D/V Tenacious menemukan serpihan Le Lyonnais, bulan lalu, selepas pencarian selama dua dekad.

Sellitti berkata, penyelam secara positif mengenal pasti kapal itu di kawasan perairan, 320 kilometer dari New Bedford, Massachusetts. Mereka bagaimanapun tidak mendedahkan lokasi sebenar buat masa ini.

Menurutnya, ukuran silinder enjin adalah kunci mengenal pasti kapal berkenaan.

Le Lyonnais diperbuat

daripada besi, mempunyai layar dan enjin wap, dibina pembuat kapal British, Laird & Sons, untuk Compagnie Franco-Americaine bagi menyediakan perkhidmatan penumpang dan melmerentasi Lautan Atlantik.

Pada malam 2 November 1856, Le Lyonnais, yang membawa 132 penumpang dan anak kapal bertembung Adriatic, sebuah kapal layar AS yang belayar dari Maine ke Georgia.

Kapten Adriatic, Jonathan Durham menerusi kenyataan diterbitkan dalam akhbar The New York Times edisi 19 November 1856 berkata, Adriatic mengalami kerosakan ketara, namun berjaya sampai ke Gloucester, Massachusetts, dua hari kemudian, manakala Le Lyonnais meneruskan perjalanannya.

Kapal Perancis itu sebenarnya mengalami kerosakan yang besar dan tenggelam beberapa hari kemudian, dengan hanya sebilangan kecil penumpang yang terselamat. - AFP



SEBAHAGIAN daripada silinder enjin Le Lyonnais.
FOTO Atlantic Wreck Salvage/AFP